

GARIS PANDUAN BAGI DEFINISI PKS

**Disediakan oleh:
SME Corp. Malaysia
Sekretariat Majlis Pembangunan Usahawan
dan PKS Kebangsaan**

I. Latar Belakang

Sejak tahun 2005, satu definisi seragam yang diluluskan oleh Majlis Pembangunan Usahawan dan PKS Kebangsaan (MPUPK)¹ [dahulu dikenali sebagai Majlis Pembangunan PKS Kebangsaan (MPPK)] telah diguna pakai oleh semua Kementerian dan agensi, institusi kewangan dan pengawal selia yang terlibat dalam program pembangunan PKS. Definisi adalah seperti berikut:

- **Industri pembuatan (termasuk industri berasaskan pertanian), Perkhidmatan berkaitan Pembuatan:** Jumlah jualan tahunan kurang daripada **RM25 juta** ATAU pekerja sepenuh masa kurang daripada **150** orang
- **Pertanian Asas dan Perkhidmatan (termasuk ICT):** Jumlah jualan tahunan kurang daripada **RM5 juta** ATAU pekerja sepenuh masa kurang daripada **50** orang

II. Definisi PKS

Memandangkan terdapat banyak perkembangan dalam ekonomi sejak tahun 2005 seperti inflasi harga, perubahan struktur dan perubahan trend perniagaan, kajian semula definisi telah dilaksanakan pada tahun 2013 dan definisi PKS baharu telah diluluskan di Mesyuarat MPPK ke-14 pada Julai 2013.

Sesebuah perniagaan akan diklasifikasikan sebagai **PKS** jika ia **memenuhi** kesemua **tiga (3) syarat** yang berkaitan iaitu **kriteria kelayakan, jenis penubuhan dan struktur pemegang saham** seperti berikut:

(A) Syarat Kelayakan

Memenuhi salah satu daripada dua kriteria kelayakan iaitu jualan tahunan atau bilangan pekerja sepenuh masa, **yang mana lebih rendah.**

Jadual 1: Ringkasan Kriteria Kelayakan

- | |
|---|
| <ul style="list-style-type: none">• Pembuatan: Jualan tahunan tidak melebihi RM50 juta ATAU bilangan pekerja sepenuh masa tidak melebihi 200 orang• Perkhidmatan dan lain sektor: Jualan tahunan tidak melebihi RM20 juta ATAU bilangan pekerja sepenuh masa tidak melebihi 75 orang |
|---|

¹ MPUPK bertindak sebagai pihak berkuasa tertinggi dalam merangka dasar pembangunan PKS kebangsaan yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri dengan ahli daripada 16 Kementerian dan agensi utama.

Butiran terperinci bagi kriteria kelayakan adalah seperti berikut:

(i) Definisi berdasarkan Saiz Operasi

- **Perusahaan mikro merentasi semua sektor:** Jualan tahunan kurang daripada RM300,000 ATAU bilangan pekerja sepenuh masa kurang daripada 5 orang.
- **Jadual 2 merumuskan definisi untuk kategori kecil dan sederhana** berdasarkan sektor masing-masing.

Jadual 2: Definisi berdasarkan Saiz Operasi

Kategori	Kecil	Sederhana
Pembuatan	Jualan tahunan daripada RM300,000 hingga kurang daripada RM15 juta <u>ATAU</u> pekerja sepenuh masa daripada 5 hingga kurang daripada 75	Jualan tahunan daripada RM15 juta hingga tidak melebihi RM50 juta <u>ATAU</u> pekerja sepenuh masa daripada 75 hingga tidak melebihi 200
Perkhidmatan dan Sektor Lain	Jualan tahunan daripada RM300,000 hingga kurang daripada RM3 juta <u>ATAU</u> pekerja sepenuh masa daripada 5 hingga kurang daripada 30	Jualan tahunan daripada RM3 juta hingga tidak melebihi RM20 juta <u>ATAU</u> pekerja sepenuh masa daripada 30 hingga tidak melebihi 75

- **Jika sesebuah perniagaan memenuhi salah satu kriteria merentasi saiz operasi yang berbeza, maka saiz yang lebih kecil akan diguna pakai.** Sebagai contoh, jika jualan tahunan sesebuah firma berada di bawah kategori perusahaan mikro tetapi bilangan pekerja terletak di bawah kategori perusahaan kecil, perniagaan tersebut akan diklasifikasikan sebagai perusahaan mikro.

(ii) Terma kriteria kelayakan

- Jualan tahunan merujuk kepada **jumlah pendapatan** termasuk pendapatan lain.
- **Pekerja sepenuh masa** termasuk semua pekerja bergaji yang bekerja sekurang-kurangnya **6 jam sehari** dan **20 hari sebulan**, atau sekurang-kurangnya **120 jam sebulan**. Pekerja sepenuh masa juga termasuk pekerja asing dan kontrak. Walau bagaimanapun, definisi ini tidak

termasuk pemilik perniagaan, rakan niaga yang aktif dan ahli keluarga yang tidak dibayar atau rakan-rakan yang bekerja dalam perniagaan dan tidak menerima upah yang tetap.

- **Asas 'ATAU'** bermaksud perniagaan hanya perlu memenuhi **salah satu daripada dua kriteria** yang digunakan dalam definisi (mana-mana yang lebih rendah).
- Jika sesebuah perniagaan **melebihi paras ambang** yang ditetapkan di bawah kedua-dua kriteria bagi **2 tahun berturut-turut** (berdasarkan tahun kewangan / tempoh perakaunan), maka ia **tidak boleh lagi dianggap sebagai PKS**. Bagi perniagaan yang sebelum ini bersaiz besar juga boleh dianggap sebagai PKS jika ia memenuhi kriteria kelayakan selama **2 tahun berturut-turut**.

(B) Jenis Pertubuhan

PKS merujuk kepada hanya entiti perniagaan tulen seperti berikut:


- i. Ditubuhkan di Malaysia di bawah Akta Syarikat 2016 (menggantikan Akta Syarikat 1965); atau
- ii. Berdaftar di bawah Akta Pendaftaran Perniagaan (1956) atau Akta Perkongsian Liabiliti Terhad (2012); atau
- iii. Berdaftar di bawah pihak berkuasa atau pejabat daerah di Sabah dan Sarawak; atau
- iv. Berdaftar di bawah badan berkanun bagi pembekal perkhidmatan profesional.

(C) Struktur Pemegang Saham

- i. Syarikat **tersenarai awam tetapi berada di papan kedua** seperti pasaran ACE, *Malaysia Online Trading Platform for Unlisted Market (MyULM)* atau di pasaran kedua / *SME exchanges* / pasaran tidak tersenarai di negara lain dan **subsidiari** akan **dianggap sebagai PKS**.
- ii. **Syarikat tersenarai awam di papan utama** seperti Bursa Malaysia atau bursa utama di negara-negara lain dan **subsidiari tidak** akan dianggap sebagai **PKS**.
- iii. **Subsidiari syarikat besar, syarikat multinasional (MNC), syarikat berkaitan Kerajaan (GLC), Syarikat Menteri Kewangan Diperbadankan (MKD) dan Perusahaan milik negara tidak** akan dianggap sebagai **PKS**.
- iv. **Subsidiari entiti lain** boleh dianggap sebagai PKS jika **kedua-dua entiti induk dan subsidiari memenuhi definisi PKS**.

Subsidiari merujuk kepada entiti di bawah kawalan syarikat induk sama ada melalui:

- **Komposisi ahli lembaga pengarah**; atau
- **Mempunyai lebih daripada 50% kuasa mengundi/ modal saham** (tidak termasuk saham keutamaan); atau
- **Secara tidak langsung** melalui entiti lain yang merupakan subsidiari yang dimiliki oleh syarikat induk (subsidiari dua lapisan). Bagi tujuan ini, syarat-syarat di **(C)** akan diguna pakai (rujuk kepada Ilustrasi 1.1).



III. Perniagaan Milik Asing

Untuk tujuan statistik, semua pertubuhan perniagaan termasuk perniagaan milik asing yang memenuhi definisi PKS akan **diklasifikasikan sebagai PKS**. Walau bagaimanapun, adalah **disyorkan ekuiti tempatan minimum lebih daripada 50%** dikenakan bergantung kepada objektif program, untuk memenuhi syarat bantuan Kerajaan.

IV. Klasifikasi mengikut Sektor

- **'Pembuatan'** merujuk kepada transformasi bahan atau komponen secara fizikal atau kimia yang membentuk produk baharu.
- **'Perkhidmatan'** merujuk kepada semua jenis perkhidmatan termasuk perdagangan edaran; hotel dan restoran; perniagaan, professional dan perkhidmatan ICT; pendidikan swasta dan kesihatan; hiburan; perantaraan kewangan; dan perkhidmatan berkaitan pembuatan seperti penyelidikan dan pembangunan (R&D), logistik, pergudangan, kejuruteraan d.l.l.

- **'Lain-lain'** merujuk kepada baki 3 aktiviti ekonomi utama, iaitu:
 - (i) **Pertanian Asas**
 - Tanaman kekal (cth. getah, minyak sawit, koko, lada d.l.l.) dan tanaman kontan (cth. sayur-sayuran, buah-buahan d.l.l.)
 - Penternakan
 - Perhutanan & pembalakan
 - Perikanan laut
 - Akuakultur
 - (ii) **Pembinaan**
 - Infrastruktur
 - Kediaman & bukan kediaman
 - Perdagangan khas
 - (iii) **Perlombongan & Pengkuarian**
- Klasifikasi aktiviti ekonomi bagi tujuan definisi akan berdasarkan kepada Piawaian Klasifikasi Industri Malaysia (MSIC) 2008 seperti dalam **Lampiran 1**. Ini adalah untuk membolehkan perbandingan data dari pelbagai sumber dan bagi memudahkan penyelarasan data merentasi pelbagai pembekal statistik PKS. Walau bagaimanapun, senarai aktiviti adalah **tidak menyeluruh** tertakluk kepada pindaan dari semasa ke semasa.

V. Guna Pakai Definisi PKS

- i. Definisi baharu PKS akan diguna pakai oleh **semua pihak berkepentingan** yang melaksanakan inisiatif PKS. Ini termasuk Kementerian dan agensi² di peringkat Persekutuan dan Negeri (termasuk badan berkanun dan pihak berkuasa tempatan), pengawal selia serta institusi kewangan.
- ii. Ini adalah untuk **mengenal pasti status kelayakan** bagi program pembangunan PKS, penggubalan dasar PKS serta pengumpulan data PKS. Walau bagaimanapun, kriteria kelayakan tambahan boleh dikenakan oleh institusi pelaksana bergantung kepada skop dan matlamat program pembangunan PKS.
- iii. Bagi tujuan pengumpulan data, Kementerian, Agensi Kerajaan dan institusi kewangan yang berkaitan perlu **mengekalkan data syarikat dan perniagaan berdasarkan kedua-dua kriteria** iaitu jualan tahunan dan bilangan pekerja sepenuh masa. Jika pihak yang berkepentingan tidak dapat mengumpul atau mengekalkan kedua-dua data ini maka mereka perlu memaklumkan Sekretariat.
- iv. Semua pihak berkepentingan yang terlibat dalam program pembangunan PKS perlu **menyelaraskan** prosedur **pengumpulan data** berdasarkan saiz dan klasifikasi sektor tersebut. Ini adalah bagi membolehkan perbandingan data merentasi institusi dan mewujudkan data yang berguna untuk lebih memahami status, isu dan keperluan pembangunan PKS dalam semua sektor.

VI. Tarikh Kuat Kuasa

Definisi PKS baharu ini berkuat kuasa bermula **1 Januari 2014**. Ini bermaksud kelayakan bagi program pembangunan PKS dan pengumpulan data PKS bermula tahun 2014 akan mengikut definisi ini. Semua data yang dikumpulkan sebelum tahun 2014 akan kekal dan tidak akan terjejas dengan definisi baharu.

VII. Soalan Lazim (FAQ)

Sila rujuk **Lampiran 2**.

VIII. Pendaftaran Status PKS

Sistem Pendaftaran Status PKS telah dibangunkan oleh SME Corp. Malaysia bagi mengesahkan status PKS. Pengesahan status sesebuah PKS akan memudahkan perniagaan daripada mengemukakan dokumen atau maklumat yang sama berulang kali kepada pihak yang berkaitan untuk mengesahkan status perniagaan tersebut. Maklumat lanjut mengenai pendaftaran boleh dirujuk di <https://smereg.smecorp.gov.my> atau di laman web rasmi SME Corp. Malaysia.

Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi:

- i) Cik Alida Adam (03-2775 6292 / alida@smecorp.gov.my)
- ii) Cik Siti Noor Mohd Nordin (03-2775 6277 / sitinoor@smecorp.gov.my)
- iii) Cik Asha Navaratnam (03-2775 6178 / asha@smecorp.gov.my)

Kemas kini: September 2020

² Pada masa ini, definisi syarikat kecil untuk insentif di bawah Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) dan cukai korporat di bawah Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) adalah berdasarkan peraturan masing-masing

**AKTIVITI EKONOMI DI SEMUA SEKTOR
(BERDASARKAN KEPADA BAHAGIAN DAN KETERANGAN
PIAWAIAN KLASIFIKASI INDUSTRI MALAYSIA 2008)**

<p>Pertanian Utama</p> <p>A. PERTANIAN, PERHUTANAN DAN PERIKANAN</p> <p>01 Pengeluaran tanaman dan ternakan, pemburuan dan aktiviti perkhidmatan berkaitan 011 Penanaman tanaman tidak kekal 012 Penanaman tanaman kekal 013 Pembiakan tumbuhan 014 Pengeluaran ternakan 015 Pertanian campuran 016 Aktiviti sokongan untuk pertanian dan aktiviti selepas tuaian 017 Perburuan, penjeratan dan aktiviti perkhidmatan berkaitan</p> <p>02 Perhutanan dan pembalakan 021 Silvikultur dan aktiviti perhutanan lain 022 Pembalakan 023 Pengumpulan produk hasil hutan bukan kayu 024 Perkhidmatan sokongan perhutanan</p> <p>03 Perikanan dan akuakultur 031 Perikanan 032 Akuakultur</p> <p>Perlombongan & Pengkuarian</p> <p>B. PERLOMBONGAN DAN PENGKUARIAN</p> <p>05 Perlombongan batu arang dan lignit 051 Perlombongan batu arang pepejal 052 Perlombongan lignit</p> <p>06 Pengekstrakan petroleum mentah dan gas asli 061 Pengekstrakan petroleum mentah 062 Pengekstrakan gas asli</p> <p>07 Perlombongan bijih besi 071 Perlombongan bijih logam 072 Perlombongan bijih logam bukan besi</p> <p>08 Perlombongan dan pengkuarian lain 081 Pengkuarian batu, pasir dan tanah liat 089 Perlombongan dan pengkuarian t.t.t.l.</p> <p>09 Aktiviti perkhidmatan sokongan perlombongan 091 Aktiviti sokongan untuk pengekstrakan petroleum dan gas asli 099 Aktiviti sokongan untuk perlombongan dan pengkuarian lain</p> <p>Pembuatan</p> <p>C. PEMBUATAN</p> <p>10 Pembuatan produk makanan 101 Pemprosesan dan pengawetan daging 102 Pemprosesan dan pengawetan ikan, krustasea dan moluska 103 Pemprosesan dan pengawetan buah-buahan dan sayur-sayuran 104 Pembuatan minyak dan lemak daripada sayuran dan haiwan 105 Pembuatan produk tenusu 106 Pembuatan produk bijian, kanji dan produk berkanji 107 Pembuatan produk makanan lain 108 Pembuatan makanan haiwan tersedia</p> <p>11 Pembuatan minuman 110 Pembuatan minuman ringan</p>	<p>12 Pembuatan produk tembakau 120 Pembuatan produk tembakau</p> <p>13 Pembuatan tekstil 131 Pemintalan, penenunan dan penyiapan tekstil 139 Pembuatan tekstil lain</p> <p>14 Pembuatan pakaian 141 Pembuatan pakaian, kecuali pakaian berbulu 142 Pembuatan artikel daripada kulit bulu 143 Pembuatan pakaian yang dikait dan dikrusye</p> <p>15 Pembuatan produk kulit dan barangan berkaitan 151 Penyamakan dan pembersihan kulit, pembuatan bagasi, beg tangan, pelana dan abah-abah; pembersihan dan pewarnaan bulu 152 Pembuatan kasut</p> <p>16 Pembuatan kayu dan produk kayu dan gabus, kecuali perabot; pembuatan bagi artikel jerami dan bahan-bahan anyaman 161 Pengilangan dan pengetaman kayu 162 Pembuatan produk daripada kayu, gabus, jerami dan bahan jalinan lain</p> <p>17 Pembuatan kertas dan produk kertas 170 Pembuatan kertas dan produk kertas</p> <p>18 Percetakan dan penerbitan semula media rakaman 181 Percetakan dan aktiviti perkhidmatan berkaitan perce 182 Penerbitan semula media rakaman</p> <p>19 Pembuatan kok dan produk petroleum bertapis 191 Pembuatan produk ketuhar kok 192 Pembuatan produk petroleum bertapis</p> <p>20 Pembuatan kimia dan produk kimia 201 Pembuatan kimia asas, baja dan sebatian nitrogen, plastik dan getah sintetik dalam bentuk primer 202 Pembuatan produk kimia lain 203 Pembuatan serat buatan manusia</p> <p>21 Pembuatan produk farmaseutikal asas, kimia perubatan dan botani 210 Pembuatan produk farmaseutikal, kimia perubatan dan botani</p> <p>22 Pembuatan produk getah dan plastik 221 Pembuatan produk getah 222 Pembuatan produk plastik</p> <p>23 Pembuatan produk galian bukan logam lain 231 Pembuatan kaca dan produk kaca 239 Pembuatan pengeluaran galian bukan logam t.t.t.l.</p> <p>24 Pembuatan logam asas 241 Pembuatan besi dan keluli asas 242 Pembuatan logam asas berharga dan logam bukan ferus lain 243 Penuangan logam</p> <p>25 Pembuatan produk logam, kecuali mesin dan kelengkapan 251 Pembuatan produk struktur logam, tangki, takungan dan penjana wap 252 Pembuatan senjata dan peluru 259 Pembuatan produk lain yang direka daripada logam; aktiviti perkhidmatan kerja logam</p>
--	---

26 Pembuatan komputer, produk elektronik dan optikal

- 261 Pembuatan komponen dan papan elektronik
- 262 Pembuatan komputer dan kelengkapan peranti
- 263 Pembuatan peralatan komunikasi
- 264 Pembuatan peralatan elektronik pengguna
- 265 Pembuatan kelengkapan mengukur, menguji, memandu arah dan kawalan; jam tangan dan jam
- 266 Pembuatan peralatan penyinaran, perubatan elektro & elektroterapeutik
- 267 Pembuatan instrumen optikal dan kelengkapan fotografi
- 268 Pembuatan media magnetik dan optikal

27 Pembuatan kelengkapan elektrik

- 271 Pembuatan motor elektrik, penjana, transformer dan perkakasan pengagihan dan pengawalan elektrik
- 272 Pembuatan bateri dan akumulator
- 273 Pembuatan pendawaian dan peranti pendawaian
- 274 Pembuatan kelengkapan pencahayaan elektrik
- 275 Pembuatan perkakasan domestik
- 279 Pembuatan kelengkapan elektrik lain

28 Pembuatan jentera dan peralatan t.t.t.l.

- 281 Pembuatan jentera kegunaan umum
- 282 Pembuatan jentera kegunaan khas

29 Pembuatan kenderaan bermotor, treler dan semi treler

- 291 Pembuatan kenderaan bermotor
- 292 Pembuatan kerangka (coachwork) untuk kenderaan bermotor; pembuatan treler dan semi treler
- 293 Pembuatan alat ganti dan aksesori untuk kenderaan bermotor

30 Pembuatan kelengkapan pengangkutan lain

- 301 Pembinaan kapal dan bot
- 302 Pembuatan lokomotif keretapi dan rolling stock
- 303 Pembuatan kapal angkasa dan udara dan jentera berkaitan
- 304 Pembuatan kenderaan tempur ketenteraan
- 309 Pembuatan kelengkapan pengangkutan t.t.t.l.

31 Pembuatan perabot

- 310 Pembuatan perabot

32 Pembuatan lain

- 321 Pembuatan barang kemas, bijouterie dan artikel berkaitan
- 322 Pembuatan instrumen muzik
- 323 Pembuatan barangan sukan
- 324 Pembuatan permainan dan mainan
- 325 Pembuatan bekalan dan instrumen pergigian dan perubatan
- 329 Pembuatan lain t.t.t.l.

33 Pembaikan dan pemasangan mesin dan kelengkapan

- 331 Pembaikan pemasangan produk logam, jentera dan kelengkapan
- 332 Pemasangan jentera perindustrian dan kelengkapan

Perkhidmatan**D. BEKALAN ELEKTRIK, GAS, WAP DAN PENDINGIN UDARA****35 Bekalan elektrik, gas, wap dan pendingin udara**

- 351 Penjanaan, penghantaran dan pengagihan tenaga elektrik
- 352 Pembuatan gas; pengagihan bahan api berunsur gas melalui saluran utama
- 353 Bekalan wap dan pendingin udara

E. BEKALAN AIR; PEMBENTUNGAN, PENGURUSAN SISA DAN AKTIVITI PEMULIHAN**36 Penakungan, perawatan dan bekalan air**

- 360 Penakungan, perawatan dan bekalan air

37 Pembedungan

- 370 Pembedungan

38 Aktiviti pengumpulan, rawatan dan pelupusan sisa; pemulihan semula bahan

- 381 Pengumpulan sisa
- 382 Rawatan dan pelupusan sisa
- 383 Pemulihan semula bahan

39 Aktiviti pemulihan dan lain-lain perkhidmatan pengurusan sisa

- 390 Aktiviti pemulihan dan lain-lain perkhidmatan pengurusan sisa

F. PEMBINAAN**41 Pembinaan bangunan**

- 410 Pembinaan bangunan

42 Kejuruteraan awam

- 421 Pembinaan jalanraya dan landasan keretapi
- 422 Pembinaan projek utiliti
- 429 Pembinaan projek kejuruteraan lain

43 Aktiviti pembinaan pertukangan khas

- 431 Perobohan dan penyediaan tapak
- 432 Aktiviti pemasangan elektrikal, paip dan pembinaan lain
- 433 Penyiapan dan kemas bangunan
- 439 Aktiviti pembinaan pertukangan khas lain

Perkhidmatan**G. PERDAGANGAN BORONG DAN RUNCIT; PEMBAIKAN KENDERAAN BERMOTOR DAN MOTORSIKAL****45 Perdagangan borong dan runcit dan pembaikan kenderaan bermotor dan motosikal**

- 451 Jualan kenderaan bermotor
- 452 Penyelenggaraan dan pembaikan kenderaan bermotor
- 453 Jualan komponen alat ganti dan aksesori kenderaan bermotor
- 454 Jualan, penyelenggaraan dan pembaikan motosikal dan komponen (termasuk alat ganti) dan aksesori berkaitan

46 Perdagangan borong kecuali kenderaan bermotor dan motosikal

- 461 Jual borong berdasar kontrak atau yuran
- 462 Jual borong bahan mentah, pertanian dan haiwan hidup
- 463 Jual borong makanan, minuman dan tembakau
- 464 Jual borong barangan isi rumah
- 465 Jual borong jentera, kelengkapan dan bekalan
- 466 Lain-lain pengkhususan jual borong
- 469 Perdagangan jual borong bukan pengkhususan

47 Perdagangan runcit, kecuali kenderaan bermotor dan motosikal

- 471 Jualan runcit di stor bukan pengkhususan
- 472 Jualan runcit makanan, minuman dan tembakau di stor pengkhususan
- 473 Jualan runcit bahan api kenderaan di stor pengkhususan
- 474 Jualan runcit kelengkapan informasi & komunikasi di stor pengkhususan
- 475 Jualan runcit lain-lain peralatan isi rumah di stor pengkhususan
- 476 Jualan runcit barangan kesenian dan rekreasi di stor pengkhususan
- 477 Jualan runcit barangan lain di stor pengkhususan
- 478 Jualan runcit melalui gerai dan pasar
- 479 Perdagangan runcit bukan di kedai, gerai atau pasar

<p>H. PENGANGKUTAN & PENYIMPANAN</p> <p>49 Pengangkutan darat dan pengangkutan melalui saluran paip 491 Pengangkutan melalui laluan rel 492 Pengangkutan darat lain 493 Pengangkutan melalui saluran paip</p> <p>50 Pengangkutan air 501 Pengangkutan air laut dan pesisir pantai 502 Pengangkutan air pedalaman</p> <p>51 Pengangkutan udara 511 Pengangkutan penumpang udara 512 Pengangkutan muatan udara</p> <p>52 Penggudangan dan aktiviti sokongan untuk pengangkutan 521 Penggudangan dan penyimpanan 522 Aktiviti sokongan untuk pengangkutan</p> <p>53 Perkhidmatan pos dan kurier 531 Aktiviti pos 532 Aktiviti kurier</p> <p>I. PENGINAPAN & AKTIVITI PERKHIDMATAN MAKANAN DAN MINUMAN</p> <p>55 Penginapan 551 Aktiviti penginapan jangka masa pendek 552 Tapak perkhidmatan, taman kenderaan rekreasi dan taman treler 559 Penginapan lain</p> <p>56 Aktiviti perkhidmatan makanan dan minuman 561 Restoran dan aktiviti perkhidmatan makanan bergerak 562 Katering dan aktiviti perkhidmatan makanan lain 563 Aktiviti perkhidmatan minuman</p> <p>J. MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI</p> <p>58 Aktiviti penerbitan 581 Aktiviti penerbitan buku, terbitan berkala dan penerbitan lain 582 Penerbitan persisian</p> <p>59 Aktiviti penerbitan wayang gambar, video dan program televisyen, rakaman bunyi dan penerbitan muzik 591 Aktiviti wayang gambar, video dan program televisyen 592 Aktiviti rakaman bunyi dan penerbitan muzik</p> <p>60 Aktiviti pemrograman dan penyiaran 601 Penyiaran radio 602 Aktiviti pemrograman dan penyiaran televisyen</p> <p>61 Telekomunikasi 611 Aktiviti komunikasi berwayar 612 Aktiviti telekomunikasi tanpa wayar 613 Aktiviti telekomunikasi satelit 619 Aktiviti telekomunikasi lain</p> <p>62 Pengaturcaraan komputer, perundangan dan aktiviti yang berkaitan 620 Pengaturcaraan komputer, perundangan dan aktiviti berkaitan</p> <p>63 Aktiviti perkhidmatan maklumat 631 Aktiviti proses data, hosting dan aktiviti lain yang berkaitan; web portal 639 Aktiviti perkhidmatan maklumat lain</p> <p>K. AKTIVITI KEWANGAN DAN INSURANS/TAKAFUL</p>	<p>64 Aktiviti perkhidmatan kewangan, kecuali insurans/takaful dan tabungan pencen 641 Perantara kewangan 642 Aktiviti syarikat pemegang 643 Amanah, tabung dan entiti kewangan seumpamanya 649 Aktiviti perkhidmatan kewangan lain, kecuali insurans/takaful dan aktiviti tabungan pencen</p> <p>65 Insurans/takaful, insurans/takaful semula dan tabungan pencen, kecuali keselamatan sosial berwajib 651 Insurans/takaful 652 Insurans/takaful semula 653 Tabungan pencen dan tabungan hemat</p> <p>66 Aktiviti sokongan kepada perkhidmatan kewangan dan aktiviti insurans/takaful 661 Aktiviti sokongan kepada aktiviti perkhidmatan kewangan, kecuali insurans/takaful dan tabungan pencen 662 Aktiviti sokongan kepada insurans/takaful dan tabungan pencen 663 Aktiviti pengurusan tabung</p> <p>L. AKTIVITI HARTANAH</p> <p>68 Aktiviti hartanah 681 Aktiviti hartanah bagi harta milikan sendiri atau pajakan 682 Aktiviti hartanah atas dasar bayaran atau kontrak</p> <p>M. AKTIVITI PROFESIONAL, SAINTIFIK & TEKNIKAL</p> <p>69 Aktiviti guaman dan perakaunan 691 Aktiviti guaman 692 Aktiviti perakaunan, simpan kira dan audit; perundangan percukaian</p> <p>70 Aktiviti ibu pejabat; aktiviti perundangan pengurusan 701 Aktiviti ibu pejabat 702 Aktiviti perundangan pengurusan</p> <p>71 Aktiviti arkitek dan kejuruteraan; ujian teknikal dan analisis 711 Aktiviti arkitek dan kejuruteraan dan perundangan teknikal yang berkaitan 712 Ujian teknikal dan analisis</p> <p>72 Penyelidikan dan pembangunan saintifik 721 Penyelidikan dan pembangunan eksperimen sains semula jadi dan kejuruteraan 722 Pembangunan penyelidikan dan eksperimen sains sosial dan kemanusiaan</p> <p>73 Pengiklanan dan penyelidikan pasaran 731 Pengiklanan 732 Penyelidikan pasaran dan tinjauan pendapat umum</p> <p>74 Perkhidmatan profesional, saintifik dan teknikal lain 741 Aktiviti mereka bentuk khusus 742 Aktiviti fotografi 749 Aktiviti profesional, saintifik dan teknikal lain</p> <p>75 Aktiviti veterinar 750 Aktiviti veterinar</p> <p>N. AKTIVITI PENTADBIRAN DAN KHIDMAT NASIHAT</p> <p>77 Aktiviti sewaan dan pajakan 771 Penyewaan dan pemajakan kenderaan bermotor 772 Penyewaan dan pemajakan barang persendirian dan isi rumah 773 Penyewaan dan pemajakan mesin, kelengkapan dan barang ketara lain</p>
--	---

774 Pemajakan harta intelektual dan produk seumpamanya, kecuali kerja berhacipta

78 Aktiviti pekerjaan

781 Aktiviti agensi penempatan pekerjaan

782 Aktiviti agensi pekerjaan sementara

783 Penyediaan sumber manusia lain

79 Agensi pengembaraan, operator pelancongan, khidmat penempahan dan aktiviti berkaitan

791 Aktiviti agensi pengembaraan dan operator pelancongan

799 Aktiviti khidmat penempahan lain dan aktiviti berkaitan

80 Aktiviti keselamatan dan penyiasatan

801 Aktiviti keselamatan persendirian

802 Aktiviti perkhidmatan sistem keselamatan

803 Aktiviti penyiasatan

81 Aktiviti perkhidmatan bangunan dan landskap

811 Aktiviti sokongan gabungan pelbagai kemudahan

812 Aktiviti pembersihan

813 Aktiviti perkhidmatan penjagaan dan penyelenggaraan lanskap

82 Aktiviti pengurusan pejabat, sokongan pejabat dan sokongan perniagaan lain

821 Aktiviti pengurusan dan sokongan pejabat

822 Aktiviti pusat panggilan

823 Pengurusan konvensyen dan pameran perdagangan

829 Aktiviti perkhidmatan sokongan perniagaan t.t.t.l.

O. PENTADBIRAN AWAM DAN PERTAHANAN; AKTIVITI KESELAMATAN SOSIAL WAJIB

84 Pentadbiran awam dan pertahanan; keselamatan sosial wajib

841 Pentadbiran negeri dan polisi ekonomi dan sosial bagi komuniti

842 Penyediaan perkhidmatan kepada komuniti secara keseluruhannya

843 Aktiviti keselamatan sosial wajib

P. PENDIDIKAN

85 Pendidikan

851 Pendidikan pra-sekolah dan pendidikan rendah

852 Pendidikan menengah

853 Pendidikan tinggi

854 Pendidikan lain

855 Perkhidmatan sokongan pendidikan

Q. AKTIVITI KESIHATAN KEMANUSIAAN DAN KERJA SOSIAL

86 Aktiviti kesihatan kemanusiaan

861 Aktiviti hospital

862 Aktiviti amalan perubatan dan pergigian

869 Aktiviti kesihatan kemanusiaan lain

87 Aktiviti rumah penjagaan

871 Kemudahan rumah perawatan

872 Aktiviti rumah penjagaan untuk orang terencat akal, kesihatan mental dan penyalahgunaan bahan kimia

873 Aktiviti rumah penjagaan untuk orang tua dan orang kurang upaya

879 Aktiviti rumah penjagaan lain

88 Aktiviti kerja sosial tanpa penginapan

881 Aktiviti kerja sosial tanpa penginapan untuk orang tua dan orang kurang upaya

889 Aktiviti kerja sosial lain tanpa penginapan t.t.t.l.

R. KESENIAN, HIBURAN DAN REKREASI

90 Aktiviti kesenian, hiburan dan kreatif

900 Aktiviti kesenian, hiburan dan kreatif

91 Aktiviti perpustakaan, arkib, muzium dan kebudayaan lain

910 Aktiviti perpustakaan, arkib, muzium dan kebudayaan lain

92 Aktiviti perjudian dan pertaruhan

920 Aktiviti perjudian dan pertaruhan

93 Aktiviti sukan dan aktiviti hiburan dan rekreasi

931 Aktiviti sukan

932 Aktiviti hiburan dan rekreasi lain

S. AKTIVITI PERKHIDMATAN LAIN

94 Aktiviti keahlian organisasi

941 Aktiviti organisasi keahlian perniagaan, majikan dan profesional

942 Aktiviti kesatuan buruh

949 Aktiviti keahlian organisasi lain

95 Pembaikan komputer dan barangan persendirian dan isi Rumah

951 Pembaikan komputer dan peralatan komunikasi

952 Pembaikan barangan persendirian dan isi rumah

96 Aktiviti perkhidmatan persendirian lain

960 Aktiviti berkaitan perkhidmatan persendirian lain

T. AKTIVITI ISI RUMAH SEBAGAI MAJIKAN; AKTIVITI MENGELUARKAN BARANGAN DAN PERKHIDMATAN YANG TIDAK DAPAT DIBEZAKAN OLEH ISI RUMAH UNTUK KEGUNAAN SENDIRI

97 Aktiviti isi rumah sebagai majikan bagi personel domestik

970 Aktiviti isi rumah sebagai majikan bagi personel domestik

98 Aktiviti mengeluarkan barangan dan perkhidmatan yang tidak dapat dibezakan oleh isi rumah persendirian untuk kegunaan sendiri

981 Aktiviti mengeluarkan barangan yang tidak dapat dibezakan oleh isi rumah persendirian untuk kegunaan sendiri

982 Aktiviti menyediakan perkhidmatan yang tidak dapat dibezakan oleh isi rumah persendirian untuk kegunaan sendiri

U. AKTIVITI BADAN DAN PERTUBUHAN LUAR WILAYAH

99 Aktiviti badan dan pertubuhan luar wilayah

990 Aktiviti badan dan pertubuhan luar wilayah

SOALAN LAZIM (FREQUENTLY ASKED QUESTIONS, FAQ)

1. **Apakah definisi bagi jualan tahunan?**
Jualan tahunan merujuk kepada **jumlah pendapatan** termasuk pendapatan lain.
2. **Apakah definisi bagi pekerja sepenuh masa?**
Pekerja sepenuh masa merujuk kepada semua pekerja yang bekerja **sekurang-kurangnya 6 jam sehari dan 20 hari sebulan**; atau sekurang-kurangnya **120 jam sebulan**.
3. **Bagaimanakah jika sesebuah perniagaan itu hanya dapat memenuhi kriteria jualan tahunan tetapi bukan kriteria pekerja?**
Sesebuah perniagaan hanya perlu memenuhi **salah satu daripada dua kriteria** yang digunakan dalam definisi bagi diklasifikasikan sebagai PKS. Penggunaan istilah “ATAU” bagi definisi PKS memberikan lebih fleksibiliti kepada perniagaan untuk memenuhi definisi tersebut dan seterusnya diklasifikasikan sebagai PKS.
4. **Apakah yang akan berlaku jika sesebuah perniagaan berada di bawah atau melebihi had paras ambang tertentu?**
Jika sesebuah perniagaan melebihi had paras ambang yang ditetapkan di bawah kedua-dua kriteria kelayakan selama **2 tahun berturut-turut** (berdasarkan tahun kewangan / tempoh perakaunan), maka ia tidak lagi dianggap sebagai PKS. Bagi perniagaan yang sebelum ini adalah bersaiz besar juga boleh dianggap sebagai PKS jika ia memenuhi kriteria kelayakan PKS selama **2 tahun berturut-turut**.
5. **Jika sesebuah perniagaan dapat memenuhi kriteria pertama iaitu jualan tahunan bagi perusahaan mikro dan kriteria kedua iaitu bilangan pekerja bagi perusahaan bersaiz kecil, kategori manakah perniagaan tersebut akan diklasifikasikan?**
Dalam kes ini, **kriteria saiz lebih kecil** akan digunakan, iaitu perniagaan tersebut akan dianggap sebagai perusahaan mikro.
6. **Bagaimanakah jika sebuah firma mempunyai entiti berasingan bagi menjalankan aktiviti jualan dan pemasaran, penyelidikan & pembangunan (*research & development*, R&D), pengedaran dan sebagainya? Adakah setiap entiti tersebut dianggap sebagai PKS berasingan atau berada di bawah satu PKS?**
Ini adalah bergantung kepada bagaimana firma dan entiti tersebut didaftarkan di bawah Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM). Jika mereka didaftarkan sebagai entiti yang berasingan, maka setiap daripada entiti tersebut dianggap sebagai PKS yang berbeza walaupun mereka adalah berkaitan. Walau bagaimanapun, jika entiti tersebut didaftarkan sebagai satu entiti, maka ia merupakan hanya satu PKS.
7. **Bolehkah syarikat tersenarai awam diklasifikasikan sebagai PKS?**
Jika sesebuah firma tersenarai bukan di bursa utama pasaran tempatan atau luar negara (pasaran ACE, pasaran tidak tersenarai atau *SME exchange*), tetapi memenuhi kriteria PKS, ianya masih dianggap sebagai PKS. Walau bagaimanapun, jika firma tersebut memenuhi kriteria PKS tetapi tersenarai dalam papan utama di Malaysia atau di luar negara, maka ia tidak dianggap sebagai PKS.

- 8. Bolehkah subsidiari kepada syarikat induk yang tersenarai di Pasaran ACE / LEAP Market diklasifikasikan sebagai PKS?**
Ya, kerana Pasaran ACE / Pasaran LEAP bukan bursa pasaran utama, maka subsidiari kepada syarikat induk ini akan memenuhi syarat PKS selagi syarikat induk memenuhi syarat had paras ambang jualan tahunan dan pekerja di bawah definisi.
- 9. Sekiranya terdapat sebuah syarikat induk mutlak di tahap teratas yang tersenarai di pasaran utama dan syarikat induk langsung di pasaran ACE, bolehkah subsidiari diklasifikasikan sebagai PKS?**
Syarikat tersenarai awam di papan utama seperti Bursa Malaysia atau bursa utama di negara lain dan anak syarikatnya tidak akan dianggap sebagai PKS. **Subsidiari merangkumi entiti tidak langsung** yang dimiliki oleh syarikat induk (**subsidiari dua peringkat**).
- 10. Bagaimanakah definisi tersebut terpakai kepada syarikat bersekutu (*associate company*) syarikat induk yang disenaraikan di bawah pasaran utama?**
Selagi syarikat induk **tidak memiliki saham majoriti (lebih daripada 50%)** syarikat bersekutu, maka ia boleh diklasifikasikan sebagai PKS. Sekiranya tidak, ia akan dianggap sebagai subsidiari maka syarat-syarat subsidiari akan diguna pakai.
- 11. Bolehkah anak syarikat syarikat induk dengan saham majoriti (lebih daripada 50%) yang dipegang oleh individu asing diklasifikasikan sebagai PKS?**
Pemilikan asing **tidak menggambarkan ukuran saiz** perniagaan. Oleh itu, jika syarikat induk bukan syarikat besar / MNC / GLC atau tersenarai di pasaran utama dan subsidiari memenuhi ambang jualan tahunan dan pekerja di bawah definisi, maka ia adalah PKS. Ekuiti asing biasanya diambil kira untuk program yang dibiayai oleh Kerajaan.
- 12. Sekiranya syarikat induk yang memenuhi syarat di bawah definisi PKS memiliki anak syarikat yang bukan PKS atau melebihi nilai ambang definisi PKS, apakah syarikat induk ini masih dianggap sebagai PKS?**
Penetapan nilai ambang jualan dan jumlah pekerja adalah berdasarkan entiti yang berasingan, bukan secara berkumpulan. Oleh itu, dan jika, amalan perakaunan untuk syarikat induk dan anak syarikat adalah berasingan, syarikat induk tersebut boleh dikategorikan sebagai PKS.
- 13. Bolehkah sesebuah organisasi menjana pendapatan seperti persatuan belia, kesatuan sekerja, persatuan pengguna dan sebagainya diklasifikasikan sebagai PKS?**
Organisasi tersebut tidak boleh ditakrifkan sebagai PKS kerana mereka bukan entiti perniagaan yang tulen. Entiti ini ditubuhkan bagi tujuan sosio-ekonomi dan tertakluk di bawah akta pertubuhan yang berlainan (bukan di bawah SSM).
- 14. Bagaimana syarikat / perniagaan dapat memperoleh pengesahan Status PKS?**
Syarikat / perniagaan boleh melayari laman web SME Corp. Malaysia di www.smecorp.gov.my atau di pautan <https://smereg.smecorp.gov.my>.